

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

SOALAN

Minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pelawaan China kepada Filipina untuk penerokaan bersama minyak dan gas di Laut China Selatan akan memberi kesan kepada persempadanan Malaysia memandangkan sembilan garis putus digunakan China untuk menuntut wilayah mereka di Laut China Selatan juga bertindih dengan perairan Malaysia di Sarawak dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu Laut China Selatan merupakan suatu isu yang sensitif dan kompleks. Sehubungan dengan itu, ia memerlukan satu pendekatan yang komprehensif untuk mengelakkan ketegangan antara pihak-pihak yang berkaitan.

3. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Untuk memastikan keamanan dan kestabilan serantau, Malaysia berpendirian semua pihak perlu menghormati undang-undang

antarabangsa, menyelesaikan sebarang pertelingkahan secara aman, dan mengelakkan penggunaan atau ancaman kekerasan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Saya ingin menegaskan bahawa pendirian Malaysia serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain iaitu Brunei Darussalam, Filipina dan Vietnam adalah jelas, iaitu tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine dash-line* kerana tuntutan China adalah tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS 1982*.

5. Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.

6. Namun begitu, ini tidak menghalang mana-mana negara untuk berkerjasama bagi meningkatkan hubungan antara satu sama lain untuk kepentingan politik, ekonomi dan sosial. Dalam hal ini, Malaysia mengambil maklum keputusan oleh kedua-dua negara Filipina dan China untuk menjalin kerjasama dalam bidang eksploitasi hidrokarbon.

7. Menurut maklumat awal yang diperolehi, adalah difahamkan bahawa cadangan kerjasama eksplorasi hidrokarbon antara Filipina dan China tidak akan melibatkan kawasan perairan Malaysia berdasarkan Peta Malaysia 1979.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Kerajaan Malaysia akan sentiasa memantau perkembangan berhubung perkara ini untuk memastikan kedaulatan, hak-hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.